



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN AWAM AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

39,621 PENGGUNA TELAH MEMANFAATKAN PERKHIDMATAN BUS ON DEMAND (BOD) BAGI TEMPOH JANUARI 2024 HINGGA APRIL 2024

Bus on Demand (BOD) merupakan satu bentuk perkhidmatan pengangkutan bersifat respon permintaan (*Demand Responsive Transit*) yang mana secara konsepnya ia beroperasi secara tempahan melalui aplikasi, tidak mempunyai jadual trip dan laluan yang tetap namun terhad dalam zon yang diluluskan APAD sahaja. Lazimnya jenis bas yang digunakan adalah bersaiz kecil seperti bas mini, coaster atau van.

BOD ini dilaksanakan selama dua tahun sejak 1 September 2022 secara *proof of concept* (POC) dan akan berakhir pada 31 Ogos 2024. Berdasarkan statistik penggunaan perkhidmatan POC BOD bagi tahun ini, seramai 39,621 pengguna telah memanfaatkan perkhidmatan POC BOD ini bagi tempoh Januari 2024 hingga April 2024.

Setakat 31 Mei 2024, sebanyak tiga (3) syarikat yang telah mendapat kelulusan menjalankan POC BOD yang dilaksanakan oleh APAD iaitu syarikat Kumpool Sdn Bhd., Asia Mobility Technologies Sdn Bhd. dan Badan Bas Sdn Bhd. Dijelaskan ketiga-tiga syarikat ini telah memenuhi 15 syarat am yang merangkumi kriteria kelayakan dan syarat operasi.

Ditegaskan bahawa sebagai agensi pelaksana yang memantau pelaksanaan POC BOD ini, pihak APAD tidak terlibat dalam sebarang penyediaan subsidi atau bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat yang menyertai inisiatif POC BOD, tidak menetapkan kadar tambang yang dikenakan syarikat. APAD juga tidak terlibat dalam apa-apa inisiatif yang dijalankan oleh mana-mana pihak lain yang melibatkan perkhidmatan pengangkutan *bus on demand* atau *demand responsive transit*.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan inisiatif ini dan senarai syarat am tersebut berserta lain-lain keperluan berkaitan pelaksanaan POC BOD ini boleh merujuk portal rasmi APAD (www.apad.gov.my).

-TAMAT-

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
4 Jun 2024